



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**29 JANUARI 2022 (SABTU)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**29 JANUARI 2022 (SABTU)**

# Kaji, tambah baik dasar industri kecantikan

**Shah Alam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang mengkaji Garis Panduan Industri Kecantikan 2013, untuk ditambah baik seiring perkembangan teknologi yang canggih dan terkini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan kementerian serta agensi kerajaan lain dalam menyemak dan menambah baik dasar sedia ada untuk industri kecantikan.

Beliau berkata, proses semakan Garis Panduan Industri Kecantikan 2013 akan mengambil kira tiga pendekatan iaitu peng-

gunaan teknologi terkini, pelesenan peranti kecantikan dan pembangunan kemahiran dan akreditasi untuk pakar kecantikan.

"Sebagai Menteri KPDNHEP, visi saya adalah untuk melihat industri kecantikan terus berkembang sestanding dengan negara lain seperti Korea Selatan dan negara maju yang lain dan garis panduan sedia ada mesti selaras dengan kepesatan perkembangan teknologi masa kini.

"Kerajaan akan memastikan ekosistem kondusif bagi membo-



Alexander Nanta Linggi

lehkan industri kecantikan berkembang dengan mudah dalam melakukan perniagaan dan dasar sokongan," katanya pada majlis pembukaan outlet ke-21, One Doc X Hair Hair Doc di USJ10, Subang Jaya, semalam.

Yang turut hadir,

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah dan Pengerusi Kumpulan One Doc X Hair Doc, Datuk Seri Baderul Zaman Ibni Almarhum Sultan Mahmud.

Alexander berkata, ketika kini

industri kecantikan mengalami pembangunan pesat di Malaysia dan dunia dengan permintaan itu meningkatkan penggunaan pelbagai peralatan moden.

"Kerajaan menyedari bahawa industri kecantikan berpotensi untuk berkembang, menyediakan lebih banyak peluang kerja dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Justeru, dengan sokongan dan kerjasama yang baik dari pihak industri, kita boleh menambah baik dasar sedia ada untuk industri kecantikan bagi memastikan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif pada masa hadapan," katanya.

Mengambil kira peniaga kecil yang turut golongan B40

# Tidak wajar mansuh subsidi minyak masak

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Pihak yang minta subsidi minyak masak dihentikan perlu memberi pilihan mengenai kaedah yang lebih baik untuk membantu rakyat agar ia benar-benar menepati matlamat asal kerajaan iaitu membantu golongan berpendapatan rendah B40.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pelaksanaan sistem subsidi minyak masak berpeket yang diguna pakai kerajaan pada masa ini masih baik.

Ia juga berkesan kerana tetap sampai kepada golongan sasaran walaupun berlaku masalah kekurangan stok di kawasan tertentu.

Menurutnya, cadangan pemansuhan pemberian subsidi yang bertujuan membolehkan rakyat mendapatkan keperluan asas itu pada harga lebih murah, boleh menjelaskan golongan B40.

"Kita faham ada kekurangan bekalan, ada setengah tempat dan ada ketika tempoh tertentu tidak sampai stok yang mungkin berlaku kes terpencil, sebab itu kita ada penguat kuasa untuk pantau keadaan ini, tetapi keseluruhannya memang dapat juga sampai kepada golongan sasar."

"Begini juga jika ada peniaga yang tidak beretika, kita juga melaksanakan penguatkuasaan tegas yang sentiasa ber-



**PELAKSANAAN** sistem subsidi minyak masak berpeket yang diguna pakai kerajaan masa kini adalah baik dan berkesan kerana ia sampai kepada golongan sasaran. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA

ada di lapangan, tetapi kalau kita tidak ada sistem (subsidi) ini mungkin yang lebih terkesan ialah golongan B40 sebab mereka masih boleh mendapatkan bekalan minyak pada harga murah walaupun ada berlaku masalah.

"Kita terima baik pandangan (pemansuhan harga subsidi), namun, kita mahu tanya mereka apakah ada opsyen lebih baik?" katanya di sini semalam.

*Utusan Malaysia* semalam melaporkan pandangan Pengarah Urusan Mydin Holdings, Datuk Ameer Ali Mydin yang membangkitkan bahawa kerajaan tidak harus takut

untuk menghapuskan subsidi minyak peket sebaliknya mencari alternatif bagi membantu kumpulan B40 yang tidak lagi boleh menikmati bantuan tersebut.

Ini kerana pemberian subsidi minyak peket tersebut bukan sahaja 'dilinkmati' peniaga tempatan dan peniaga warga asing tetapi juga orang kaya sehingga berlaku masalah kekurangan stok bekalan keperluan itu di beberapa tempat di negeri-negeri tertentu.

Dalam pada itu, Alexander berkata, sememangnya dasar subsidi minyak masak berpeket ini hanya untuk kegunaan isi rumah dan bukannya untuk

golongan peniaga yang bertindak membeli secara berlebihan sehingga berlaku terputus bekalan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan masih prihatin terutama golongan peniaga kecil-kecilan yang menggunakan minyak masak peket untuk bermiga bagi mencari sedikit pendapatan untuk menampung kehidupan.

Untuk itu, beliau berkata, pihaknya memberi sedikit kelonggaran kepada golongan peniaga sedemikian kerana mereka juga dalam golongan B40 dan pelanggan yang membeli hasil jualan mereka juga dalam golongan B40.

HARI : SABTU  
TARIKH : 29/1/2022  
M/SURAT : 16

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun RM20,600 daripada 124 kes mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 di negeri ini.

Pengarah KPDNHEP Johor Mohd Hairul Anuar Bohro (*gambar*) berkata, kompaun itu dikeluarkan menerusi pemeriksaan Skim Haraga Barang Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) mulai 1 Januari lalu hingga semalam.

Be-liau berka-

## Periksa 7,373 premis, 124 kes dikompaun

ta, sebanyak 7,373 premis yang diperiksa mulai dalam pemeriksaan itu membabitkan 6,813 perniagaan runcit, 485 pemborong dan 75 pengilang.

"Hasil siasatan dijalankan, semua premis dikompaun

dan diambil tindakan menurut AKHAP 2011.

"Seramai 200 anggota penguat kuasa KPDNHEP di negeri ini akan sentiasa memantau dan melaksanakan pemeriksaan agar bekalan asas dan harian mencukupi bagi menampung keperluan," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Mohd Hairul Anuar turut menasihati peniaga mematuhi peraturan ditetapkan dan tindakan tegas akan diambil sekiranya mereka melakukan kesalahan berkaitan bekalan serta harga barang.



## KPDNHEP Johor terima aduan kenaikan harga makanan

**JOHOR BAHRU-**  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor menerima lapan aduan berkaitan kenaikan harga makanan dan perkhidmatan bermula dari awal tahun sehingga Jumaat.

Pengarahnya, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata berdasarkan siasatan yang dijalankan, kesemua premis terlibat telah dikenakan dikompaun dan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Katanya, dalam tempoh yang sama sebanyak 124 kes direkodkan sepanjang tempoh Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) 2011 dengan jum-

lah kompaun keseluruhan sebanyak RM 20,600.

"Berdasarkan rekod mulai 1 hingga 28 Januari, sebanyak 7,373 premis telah diperiksa KPDNHEP Johor meliputi 6,813 peruncit, 485 pemborong dan 75 pengilang di seluruh negeri.

"Pemantauan di pusat pengedaran pasar raya mendapat stok bekalan barang keperluan asas mendapat permintaan tinggi untuk diedarkan di peringkat rangkaian pasar raya," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Menurut Mohd Hairul Anuar, seramai 200 anggota penguatan kuasa KPDNHEP Johor terlibat akan memantau dan melaksanakan pemeriksaan agar bekalan asas harian mencukupi.



Anggota KPDNHEP Johor melakukan pemantauan dan pemeriksaan sepanjang tempoh perayaan ini.